

PROGRAM PUBLISITI AWAL

KAJIAN RANCANGAN KAWASAN KHAS PULAU PANGKOR

قولاو ڦڪور

29 OGOS 2022



PENGENALAN



APA ITU RKK?

Satu rancangan tindakan khusus untuk pelaksanaan segera satu-satu kawasan yang telah dikenalpasti oleh Pihak Berkuasa Negeri / Pihak Berkuasa Perancang Tempatan




TUJUAN RKK

Untuk memajukan segera, memajukan semula, memperelokkan lagi, untuk memulihara atau juga untuk tujuan pengurusan sesebuah kawasan.



KEPERLUAN PERUNDANGAN



Penyediaan RKK adalah selaras dengan keperluan peruntukan Subseksyen 16B(1), 16B(2) dan 16B(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)



OUTPUT RKK

Pelan Tindakan Pembangunan (Pelan Kawasan Tindakan dan Pelan Susunatur Terperinci) atau Pelan Pengurusan atau kedua-duanya sekali.

PERINGKAT KAJIAN: MOBILISASI



PROGRAM PUBLISITI AWAL

- Hebahan awal kepada pihak berkepentingan.

TERMA RUJUKAN (TOR)

PENYEDIAAN PETA ASAS

PELANTIKAN PERUNDING

- Kajian dijangka bermula pada Januari 2023.

JUSTIFIKASI KAJIAN

Menterjemah dan selaras dengan dasar Rancangan Fizikal Negara (RFN4)


- Pulau Pangkor sebagai **kawasan perlindungan persisiran pantai dan marin** melalui penubuhan dan pewartaan kawasan perlindungan marin.
- Pulau Pangkor sebagai **Bandar Pelancongan dan Hiburan** yang memberi tumpuan utama kepada kedua-dua aktiviti tersebut **melalui pengukuhan identiti dan penjenamaan semula** potensi aktiviti-aktiviti pelancongan.

Keperluan perancangan guna tanah yang efisien dan dinamik

Perubahan guna tanah perniagaan dan kawasan tarikan pelancongan memerlukan satu perancangan guna tanah yang efisien dan dinamik dalam usaha untuk menerokai dan mempelbagaikan sumber sedia ada di samping menyediakan pelbagai kemudahan kepada penduduk tempatan mahupun memenuhi keperluan para pelancong.

1

3



2

Selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Perak

Mensasarkan Pulau Bebas Cukai: Pulau Pangkor antara projek yang boleh **menjana pertumbuhan ekonomi berdasarkan pelancongan dan maritim** sekaligus meningkatkan jumlah kemasukan pelancong ke Pulau Pangkor dan Negeri Perak.

4

Mengukuhkan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai dan pusat pelancongan bertaraf antarabangsa

- i. Pulau Pangkor memerlukan satu suntikan elemen keunikan seperti penggunaan elemen digital dan maya dalam setiap aktiviti pelancongan selaras dengan perkembangan ke arah pulau pintar.
- ii. Potensi pembangunan sedia ada Pulau Pangkor seharusnya diketengahkan ke arah menjadi sebuah pulau pelancongan dan tempat membeli belah berdasarkan kepada sistem digital atas talian serta urus niaga tanpa tunai (cashless).
- iii. Meneroka produk-produk pelancongan baru dan mengetengahkan program dan aktiviti pelancongan untuk menarik pelancong meluangkan masa lebih lama di Pulau Pangkor.

MATLAMAT & OBJEKTIF KAJIAN

MATLAMAT KAJIAN

“Menyediakan Rancangan Kawasan Khas Pelancongan Pulau Pangkor
Sebagai Sebuah **Pulau Bebas Cukai** dan Destinasi Pelancongan
Mampan dan Pintar”



OBJEKTIF KAJIAN

01

Mengoptimumkan penggunaan tanah secara mampan berteraskan Keupayaan Tampungan Pulau Pangkor

02

Memperkasakan aktiviti dan produk pelancongan selaras dengan keperluan dan kehendak pelancong

03

Menerapkan teknologi serta aplikasi pelancongan pintar terkini di Pulau Pangkor

04


Meningkatkan infrastruktur dan kemudahan pelancongan yang mencukupi, efisien dan sistematik.

05

Melindungi dan memperelok alam sekitar, lanskap serta imej Pulau Pangkor sebagai destinasi pelancongan mampan dan pintar

ISU AWALAN

3



Perubahan guna tanah akibat
daripada tekanan pembangunan

Keperluan promosi produk
pelancongan dan konservasi
hidupan marin

Kemudahan pengangkutan awam
yang terhad dan tidak selesa

Kemudahan infrastruktur dan utiliti
yang tidak memuaskan

Pengurusan sisa pepejal
yang tidak efisien

Pengurusan sisa kumbahan yang
tidak menyeluruh

PELUANG DAN POTENSI

LOKASI YANG STRATEGIK

- Berhampiran dengan tanah besar iaitu 3.8 batu nautika dari Pekan Lumut
- 20 minit perjalanan melalui feri di jeti Lumut dan 10 minit dari jeti Marina Island

KEPELBAGAIAN SUMBER SEMULAJADI

- Hutan Simpan Kekal
- Hidupan Marin
- Pantai

PELBAGAI ASET/PRODUK PELANCONGAN

- Sumber semulajadi
- Makanan- laksa pangkor
- Aset Buatan Manusia
 - ✓ Muzium
 - ✓ Masjid Seribu Selawat
 - ✓ Masjid Seribu Doa



PULAU BEBAS CUKAI

- Menjana pertumbuhan ekonomi
 - Menarik lebih ramai pelancong/pengunjung

KEMUDAHAN PENGANGKUTAN YANG PELBAGAI

- Pengangkutan Air dan Udara

PELBAGAI AKTIVITI EKONOMI TEMPATAN

- Perusahaan Hasil Laut
 - Aktiviti Rekreasi Air

OUTCOME & FAEDAH



01

Pengukuhan imej dan tarikan Pulau Pangkor sebagai sebuah pulau bebas cukai dan destinasi pelancongan mampan dan pintar.

02

Peningkatan peluang pekerjaan dan sumber ekonomi di sektor pelancongan dan komersil

03

Peningkatan taraf sosio ekonomi dan kualiti hidup penduduk

04


Peningkatan kualiti alam sekitar dan rupa bentuk fizikal Pulau Pangkor

05

Peningkatan kecekapan pemajuan dan penggunaan tanah, pengurusan dan kawalan pembangunan secara mampan di Pulau Pangkor

TUJUAN PUBLISITI AWAL

- Membuat Hebahan dan Mendapatkan Maklumbalas/Input



Isu dan Cabaran
Pembangunan
Kawasan RKK

Potensi Kawasan RKK

Aspirasi Pembangunan
di Pulau Pangkor

An aerial photograph of a tropical resort. On the left, a dense green forest covers a hillside. A long, winding wooden walkway with thatched-roof bungalows extends from the forest across a shallow, turquoise lagoon towards the right. In the middle-right area, a white speedboat leaves a prominent white wake as it moves through the darker blue water. The overall scene is one of luxury and natural beauty.

SEKIAN
TERIMA KASIH